

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Asing)

MAHATHIR BERI AMARAN MENGENAI USAHA PIHAK ASING LEMAHKAN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat mengenai usaha kuasa asing untuk melemah dan memusnahkan Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan dengan menyokong dan membantu pakatan pembangkang.

Semasa berucap pada perasmian perhimpunan agung empat hari Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Perdana Menteri dan Presiden Umno berkata kuasa-kuasa asing amat gembira melihat keghairahan parti-parti lawan dan pakatan mereka untuk melemahkan Umno, BN dan kerajaan.

Dalam ucapannya bertemakan "Maruah Bangsa Tanggungjawab Umno", beliau berkata walaupun mereka tidak sedikit pun berminat dengan Islam, ia tidak menghalang mereka daripada memuji dan menyokong PAS yang dikatakan sebuah parti Islam.

"Mungkin mereka juga tahu bahawa sebenarnya PAS tidak seIslam seperti yang didakwa olehnya," katanya. "Yang penting bagi orang asing ini ialah melemahkan Umno."

"Batu penghalang mereka ialah Umno," katanya dan orang asing ini sedar mengenai kekuatan Umno.

Dr Mahathir berkata kekuatan kerajaan dan ketegasan Malaysia ialah kerana Umno menerajui kerajaan dengan kekuatan yang berjaya mendapat kesetiaan parti-parti komponen BN yang lain.

"Mereka tahu tanpa Umno yang kuat, Barisan Nasional tidak mungkin stabil dan kuat. Justeru itu mereka akan sokong apa juga tindakan oleh sesiapa dan mereka akan berusaha sendiri untuk melemah dan memecahkan Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata rancangan mereka untuk menaikkan boneka mereka sebagai pemimpin Umno dan Perdana Menteri telah gagal.

Tanpa menamakan boneka itu, Perdana Menteri berkata kini orang asing tidak lagi dapat menguasai negara melalui boneka mereka.

"Hanya kehancuran Umno sahaja yang akan memenuhi hasrat mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata pengkritik asing mendakwa bahawa beliau menuduh orang asing dengan pelbagai tuduhan kerana ingin melindungi masalah yang beliau hadapi dalam negara.

"Tetapi apakah tuduhan saya tidak berasas? Apakah tidak benar yang media asing sengaja memburukkan imej negara?" tanya beliau.

Perdana Menteri berkata beliau tidak berpuashati dengan laporan media asing mengenai Malaysia kerana tidak ada laporan yang baik yang disiarkan.

Pelbagai perkara positif mengenai Malaysia tidak diendahkan oleh media asing seperti hakikat bahawa negara berbilang kaum ini begitu aman, stabil dan pesat maju berbanding negara membangun yang lain.

Katanya walaupun Dasar Ekonomi Baru berjaya mengagihkan kekayaan antara kaum tanpa menjejaskan ekonomi negara; tanpa merampas hak sesiapa; walaupun kegawatan ekonomi tidak menyebabkan rusuhan kaum; walaupun negara berjaya menswasta syarikat dan agensi kerajaan..."tidak ada sekalipun kejayaan-kejayaan Malaysia ini diiktiraf, jauh sekali diberi komen yang positif."

Pengkritik asing ini juga tidak mengakui hakikat bahawa serangan terhadap mata wang dan pasaran saham negara tidak kekal merosakkan ekonomi; bahawa kerajaan berjaya mengurus kewangan sendiri sehingga Malaysia bebas daripada berhutang dari luar negeri; bahawa kerajaan dapat memulihkan ekonomi negara dengan cara sendiri.

"Sebaliknya mereka cuba menghalang pemulihan ekonomi kita, menurunkan penarafan kita supaya kita tidak dapat berhutang.

"Mereka juga cuba menggugat kestabilan politik kita dengan senjata menggalakkan perusuh, merusuh dan menjatuhkan kerajaan dengan keganasan," katanya.

Orang asing ini jugalah yang menuduh Perdana Menteri Malaysia menerima US\$50,000 supaya memberi kontrak beratus juta kepada syarikat mereka dan media mereka melaporkan kononnya antara diktator yang membantu (presiden Afrika Selatan) Nelson Mandela dengan ratusan juta dolar ialah Dr Mahathir.

"Kita sokong Mandela, tetapi kita tidak memberi wang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau digelar diktator hanya kerana beliau tidak tunduk kepada kuasa asing.

Dr Mahathir menegaskan bahawa tuduhan beliau terhadap orang asing bukan bertujuan menutup masalah dalam negara "tetapi kerana mereka memang mengancam dan memburuk-burukan ekonomi dan imej negara."

"Kita tidak lemah, kita tidak buruk. Kita sebenarnya lebih kuat dan lebih berjaya daripada kebanyakan negara asing," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak perlu mengalih pandangan rakyat kepada tindak-tanduk orang asing hanya kerana masalah dalaman.

Kadang-kadang terlintas juga dalam hati bahawa kebencian orang asing dan media mereka terhadap Malaysia kerana ia sebuah negara yang secara kebetulan diperintah parti terdiri daripada orang Islam, katanya.

Yang lebih menimbulkan kebencian mereka ialah "parti orang Islam ini berwibawa, berdisiplin, tersusun rapi, dapat mentadbir dan membangunkan negara."

Ramai daripada mereka beranggapan orang Islam tidak mungkin berjaya lebih-lebih lagi jika mereka berkulit sawo matang.

Dr Mahathir berkata orang asing lebih senang jika PAS memerintah kerana mereka percaya PAS tidak mungkin memdirikan kerajaan yang berwibawa dan berjaya.

Mereka berpendapat PAS akan menimbulkan sengketa sesama orang Islam sehingga melemahkan mereka dan memesongkan orang Islam di Malaysia daripada mengamalkan ajaran Islam yang sebenar yang mereka tahu akan membawa kejayaan.

"Mereka tahu jika PAS memerintah, tidak mungkin tumpuan diberi secara berkesan kepada pembangunan dan ketahanan negara," kata Perdana Menteri kerana PAS sebaliknya akan menumpukan kepada polemik Islam yang tidak pernah habis.

Dr Mahathir turut menghuraikan dalam ucapannya mengenai prospek penjajahan semula.

"Jika kita ingin sejarah penaklukan kuasa asing tidak berulang, hendaklah kita sedar bahawa kemerdekaan kita, kebebasan kita boleh dihapuskan dalam masa yang singkat...dan tidak mudah untuk mengembalikannya," katanya.

Beliau menggesa rakyat supaya sentiasa ingat akan hakikat itu jika mereka menghargai kemerdekaan negara, jika mereka ingin terus bebas dan merdeka serta ingin terus kekal menentukan nasib sendiri.

Perdana Menteri berkata walaupun di zaman ini penjajahan dan penaklukan secara langsung oleh sesuatu bangsa terhadap negara lain sudah tidak dapat diterima lagi, tetapi ini tidak bermakna keinginan untuk menjajah sudah luput daripada budaya penjajah khususnya etnik Eropah.

"Harimau tidak akan hilang belangnya, demikian etnik Eropah masih ingin menguasai dunia, masih ingin menjajah, jika tidak secara langsung sekurang-kurangnya secara tidak langsung, dengan mendominasi negara lemah atau dengan menggunakan boneka mereka." katanya.

-- BERNAMA

ES RON

